

**Pertukaran Saham MAS, AirAsia Idea Amat Baik, Kata Tun Dr Mahathir
Bernama
Ogos 09, 2011**

SHAH ALAM, 9 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pertukaran saham antara Malaysian Airlines (MAS) dan AirAsia merupakan idea yang amat baik.

Beliau menyifatkannya sebagai cadangan yang tepat dan melahirkan harapan yang kerjasama itu akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

"AirAsia boleh mempelajari pengalaman MAS dan MAS boleh mempelajari bagaimana untuk mengurangkan kos sebagaimana yang dilakukan oleh AirAsia," katanya semasa diminta mengulas mengenai isu berkenaan pada majlis berbuka puasa Proton Holdings Bhd di sini Selasa.

Mnegenai kesan ekonomi AS sekarang ini terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata: "(Keadaan) ini dapat di atasi oleh negara kita."

"Kita sudahpun beralih dari negara AS kepada China yang mana di masa lampau dagangan dengan China telah meningkat berkali ganda.

"Kita telah buat persediaan apabila merosot ekonomi AS, kita dapat rakan dagang yang lain, yang tidak kurang besarnya," jelasnya.

Dr Mahathir berkata 20 peratus dagangan Malaysia adalah dengan AS dan apabila AS menghadapi masalah tentu dagangan dengan Malaysia turut terjejas. -- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=607122>